



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 5 OKTOBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	SMART SAWAH BERSKALA BESAR BERNAS BERI MANFAAT KEPADA PESAWAH, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE PESAWAH TERIMA MANFAAT, DALAM NEGERI, UM -33 INISIATIF SMART SBB UNTUK PESAWAH, NASIONAL, SH -7	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
4.	APMM LUPUS 4 BOT NELAYAN DILUCUT HAK, LOKAL, HM -13	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
5. 6. 7. 8.	SMUGGLERS CHASED BY GOF ABANDON 1,184KG OF RICE, NEWS IN BRIEF, NST -11 TINGGALKAN KERETA SARAT DENGAN 1.1 TAN BERAS SELUDUP, LOKAL, HM -12 CUBAAN SELUDUP 480KG DAGING SEJUK BEKU KE NEGARA JIRAN GAGAL, NEGARA, KOSMO -14 MODAL TINGGI HASIL KURANG, LOKAL, HM -18 & 19	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/10/2021	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

SMART Sawah Berskala Besar Bernas beri manfaat kepada pesawah



SMART SBB BERNAS di Sungai Batu Pahat, Perlis dengan keluasan tanah 49 hektar.

PROGRAM SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) yang dilaksanakan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bersama Padiberas Nasional Berhad (Bernas) di Kampung Sungai Batu Pahat, Perlis berpotensi meningkatkan hasil dan mutu padi keluaran tempatan, sekali gus memberi

manfaat kepada lebih 30 pesawah yang terlibat di sini.

Seiring dengan matlamat Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bagi meningkatkan kadar Tahap Sara Diri (SSL) beras negara sebanyak 75 peratus dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12), program SMART SBB Bernas telah digerakkan sejak bulan April 2021 yang lalu.

Ia melibatkan kawasan penanaman padi luar jelapang seluas 49 hektar yang diusahakan dalam musim 2/2020 dengan kerjasama pelbagai jabatan dan agensi di bawah MAFI, antaranya Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Pertanian Negeri, Pertubuhan Peladang Kawasan Bintong, Perlis dan Lembaga Pertubuhan Peladang Perlis.



Nordin Salleh (tengah) bersama Zulkefli Hussein (kanan) dan Madzlan Nadzar (kiri), peserta SMART SBB BERNAS di Sungai Batu Pahat, Perlis

Nordin Salleh, 65 tahun, yang berperanan sebagai penyelia program SMART SBB Bernas Sungai Batu Pahat berkata, inisiatif ini banyak mendatangkan manfaat kepada peserta.

Ia bukan sahaja membantu dari aspek penyelarasan sistem pengurusan ladang secara berkelompok yang ternyata lebih efisien, malah turut membuka ruang ke arah pembangunan infrastruktur asas seperti sistem saliran air yang sering menjadi kekangan kepada para pesawah khususnya di kawasan luar jelapang seperti di Sungai Batu Pahat ini.

Menurut Nordin lagi, program ini turut membantu para pesawah untuk mengusahakan sawah mereka secara berpasukan dan lebih sistematik.

Impaknya dapat dilihat apabila penggunaan input-input pertanian seperti baja, racun dan sebagainya dapat dioptimumkan dan pembaziran dielakkan.

Ia secara keseluruhannya turut mengurangkan kos operasi pengurusan ladang berbanding ketika mereka mengusahakan sawah secara individu.

“Para pesawah yang menyertai program ini turut didedahkan kepada amalan-amalan pertanian terancang bagi membentuk disiplin kerja yang lebih berkesan dan produktif. Bernas turut membimbing mereka menerusi penetapan Jadual Kerja Ladang yang lebih teratur yang mampu mengurangkan risiko kepada tanaman, mengelakkan pembaziran input pertanian dan menghasilkan padi yang lebih bermutu,” kata Nordin yang mempunyai pengalaman lebih 20 tahun mengusahakan sawah.

“Saya melihat program SMART SBB Bernas sebagai satu peluang kerjasama strategik yang menguntungkan pesawah selain menjadikan mereka sebagai rakan kongsi utama dalam pembangunan sektor padi dan beras di negara ini,” akhiri beliau.

Salah seorang peserta program SMART SBB Bernas, Zulkefli Hussein, 53 tahun pula berkata program ini memberikan jaminan pendapatan dari penjualan hasil padi mereka. Penanaman padi sememangnya terdedah kepada pelbagai risiko luar jangka terutamanya cuaca yang tidak menentu. Bagaimanapun, Bernas menjamin untuk membeli hasil tuaian kami dalam sebarang situasi dan ini memberikan satu kelegaan kepada kami.

“Kami hanya perlu memberikan tumpuan kepada penjagaan sawah dengan baik. Alhamdulillah walaupun ini merupakan fasa pertama projek, kami sudah dapat melihat peningkatan dari segi hasil dan kualiti padi,” kata Zulkefli.



Hasil tuaian Smart SBB di Sungai Batu Pahat menunjukkan peningkatan pada musim ini.

Seorang lagi pesawah Madzlan Nadzar, 61 tahun berkata SMART SBB Bernas juga memperkenalkan penggunaan teknologi terkini kepada peserta program.

“Kami amat teruja dengan teknologi dron yang digunakan. Sebelum ini, kami melakukan kerja-kerja membaja dan meracun secara

manual yang memerlukan penggunaan masa dan tenaga yang banyak.

“Kini, penggunaan teknologi dron memberikan hasil semburan baja dan racun yang lebih sekata meliputi seluruh kawasan ladang dalam tempoh masa yang jauh lebih singkat dan tanpa menggunakan tenaga seperti dahulu. Kerja kami menjadi lebih mudah dan kami turut mempunyai masa terluang untuk melakukan kerja-kerja harian lain.

“Saya berharap ramai lagi pesawah, terutamanya di kawasan Sungai Batu Pahat akan turut serta menyertai program SMART SBB ini kerana banyak manfaat akan diperolehi,” katanya lagi.

Sebagai salah sebuah syarikat peneraju SMART SBB, Bernas akan sentiasa memberi sokongan kepada para pesawah melalui pelbagai platform perkongsian ilmu pengetahuan bagi membimbing mereka dalam selok-belok pengurusan ladang yang baik. – MalaysiaGazette

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/10/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	33



NORDIN Salleh (tengah) bersama Zulkefli Hussein (kanan) dan Madzlan Nadzar yang merupakan antara 32 peserta program SMART SBB Bernas di Sungai Batu Pahat, Perlis.

Pesawah terima manfaat

Oleh **MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB**
hafiz.mutalib@mediamulia.com.my

KANGAR: Seramai 32 pesawah dari Kampung Sungai Batu Pahat di sini menerima manfaat besar melalui Program Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) khususnya dalam meningkatkan hasil serta kualiti padi keluaran tempatan.

Program yang dilaksanakan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan bersama Padiberas Nasional Berhad (Bernas) itu melibatkan kawasan seluas 49 hektar di kawasan Sungai Batu Pahat iaitu merupakan lokasi pertama di Perlis menyertai program itu.

Kawasan penanaman padi luar jelapang yang diusahakan dalam musim 2/2020 itu turut melibatkan kerjasama pelbagai jabatan dan agensi di bawah kementerian berkenaan seperti Jabatan Pertanian negeri,

Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Bintang dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Perlis.

Seiring dengan matlamat meningkatkan kadar tahap sara diri (SSL) beras negara sebanyak 75 peratus dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12), program SMART SBB Bernas itu telah digerakkan sejak April lalu.

Nordin Salleh, 65, yang berperanan sebagai penyelia program SMART SBB Bernas Sungai Batu Pahat berkata, inisiatif tersebut memberi manfaat cukup besar kepada peserta.

Katanya, selain membantu aspek penyelarasan sistem pengurusan ladang secara berkelompok ia turut membuka ruang ke arah pembangunan infrastruktur asas seperti sistem saliran air yang sering menjadi kekangan kepada pesawah khususnya di kawasan luar jelapang

seperti di Sungai Batu Pahat.

“Program ini turut membantu mereka mengusahakan sawah mereka secara berpasukan dan lebih sistematik.

Impaknya dapat dilihat apabila penggunaan input-input pertanian seperti baja, racun dan sebagainya dapat dioptimumkan dan pembaziran dielakkan, katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

“Saya melihat program SMART SBB sebagai satu peluang kerjasama strategik yang menguntungkan pesawah,” katanya.

Seorang lagi peserta, Zulkefli Hussein, 53, berkata, program tersebut memberikan jaminan pendapatan hasil penjualan padi mereka.

Bagi Madzlan Nadzar, 61, pula memberitahu, SMART SBB juga memperkenalkan penggunaan teknologi terkini kepada peserta program.

Inisiatif Smart SBB untuk pesawah

Objektif MAFI dalam menyatukan tanah sawah secara pertanian kontrak

Oleh: MOHD IZZATUL
IZUAN TAHIR

Projek tanaman padi wangi menerusi inisiatif Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) merupakan salah satu inisiatif kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

Rata-rata pesawah ditemui mengakui banyak manfaat diperoleh pesawah bagi meningkatkan industri padi beras negara sekali gus mengurangkan kebergantungan terhadap beras wangi import.

Seorang pesawah yang ditemui, Mohd Tazilan Sabran, 49, menyifatkan kelebihan menyertai pertanian kontrak bersama FGV Integrated Farming Holdings Sdn Bhd (FGVIF) mampu meningkatkan pendapatan dengan potongan pemutuan lebih rendah.

"Jika tanaman padi biasa, kadar pemutuan terlalu tinggi hingga melebihi 25 peratus berbanding pemutuan padi wangi iaitu hanya 17 peratus.

"Bagi saya, ini secara tidak langsung dapat meningkatkan lagi pendapatan pesawah terutama apabila rata-rata dalam kalangan kami hanya bergantung kepada sektor ini sebagai punca rezeki," katanya ketika ditemui *Sinar Harian* pada Rabu.

Mohd Tazilan berkata, FGVIF turut menyediakan prosedur operasi standard (SOP) tanaman sebagai panduan, pemantauan dan pemeriksaan laktang secara berjadual.

"Selain itu, pihak FGV juga bertindak sebagai pembekal perkhidmatan dan teknologi pertanian seperti dron, tranplanter dan lain-lain," katanya.

Roslan Aini, 48, pula menyifatkan padi wangi yang ditanam peserta pertanian kontrak di Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Barat Laut Selangor itu lebih berkesan dalam melawan serangan ulat batang.

Katanya, tanaman padi biasa yang diusahakan di kawasan itu majoritinya mengalami masalah ulat batang.

"Bagaimanapun, kawasan tanaman padi wangi di IADA Barat Laut Selangor kurang terjejas dan ini menunjukkan padi wangi MRQ76 lebih tahan daripada serangan penyakit," katanya yang mengusahakan tanaman itu di kawasan seluas 10 hektar.

Menurutnya, penggunaan teknologi Internet Kebendaan (IoT) dan sistem Fortified Field Fragrant Rice (3FR) yang diperkenalkan FGV sangat penting untuk mengaplikasikan kaedah pertanian tepat bagi meningkatkan hasil padi dan tahap SSL negara.

"Kita harap kerjasama dengan FGVIF dapat diteruskan pada masa akan datang dan produk beras wangi ini akan menjadi pilihan rakyat di negara ini.

"Saya sangat mengesyorkan kepada pesawah lain untuk sertai program Smart SBB pada musim akan datang kerana banyak faedah dan kelebihan yang kita dapat.

"Pertanian padi ini merupakan tanaman yang perlu diusahakan secara bersepadu dan Smart SBB merupakan platform yang terbaik," katanya.

Beri manfaat

Sementara itu, Ketua Padi dan Beras FGVIF, Azman Md Azhar

berkata, inisiatif ini diharap dapat menyatukan tanah sawah secara pertanian kontrak atau sewaan melalui satu pengurusan.

"Kaedah ini sekali gus dapat mengoptimalkan penggunaan sumber dan meningkatkan kecekapan aktiviti penanaman dan pengeluaran hasil lepas tuai," katanya yang ditemui di Pusat Belian Padi Kampung Sungai Burong.

Azman menjelaskan, Smart SBB turut dijangka akan membantu negara mencapai Tahap Sara Diri (SSL) beras yang telah ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) iaitu sebanyak 75 peratus.

Sehingga kini, MAFI telah melantik sebanyak 11 syarikat swasta sebagai syarikat peneraju Smart SBB untuk membangunkan kawasan penanaman padi.

"Sasaran keluasan adalah 150,000 hektar semusim bagi fasa pertama dan ia adalah secara berperingkat," katanya.

Selain itu, katanya, MAFI turut menyasarkan swasta dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) terlibat sama dalam memajukan industri beras negara.

"Program Smart SBB dengan kerjasama semua agensi dan pesawah secara tidak langsung akan memberi manfaat untuk jangka masa panjang," ujarnya.

Kata beliau, penglibatan FGV bertujuan meningkatkan hasil dan produktiviti padi beras negara, selain menjadikan industri tanaman padi lebih lestari.

"Harapan FGV dalam Smart SBB ini kita dapat memajukan industri ini bersama pesawah terlibat dan menyahut aktiviti ini lebih positif seterusnya menjana satu rantaian industri beras negara," katanya.

Menurut Azman, FGV Holdings Bhd (FGV) menerusi anak

Mesin Jentul Mini merupakan salah satu jentera yang digunakan.



syarikatnya, FGVIF merupakan salah satu daripada syarikat peneraju yang telah dilantik oleh MAFI untuk menerajui industri penanaman padi wangi di Malaysia.

FGVIF merancang memperluaskan lagi penanaman padi wangi seluas 600 hektar di Melaka dan Kompin, Pahang.

Katanya, sebanyak 300 hektar masing-masing dirancang ditanam di dua kawasan terbahit menerusi inisiatif Smart SBB.

Pada ketika ini, kira-kira 500 hektar padi wangi ditanam di IADA Barat Laut Selangor, manakala 100 hektar lagi di Seberang Perak, Perak.

"Kita sasarkan sebanyak 1,500 hektar padi akan ditanam menerusi program Smart SBB di empat kawasan iaitu di IADA Barat Laut Selangor, Seberang Perak, Melaka dan Pahang.

"Dalam tempoh empat tahun lagi, kita menyasarkan sebanyak 10,000 hektar padi dapat ditanam di seluruh negara," katanya.

Menurutnya, secara keseluruhan seramai 260 pesawah terlibat dalam penanaman padi wangi di IADA Barat Laut Selangor dan Seberang Perak.

Sebanyak 1,100 tan metrik berjaya diperoleh pada musim pertama tanaman pada Februari tahun lalu.

Jelasnya, penanaman padi wangi MRQ76 keluaran Institut Penyelidikan



ROSLAN



TAZILAN

dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) itu juga mampu meningkatkan pendapatan golongan pesawah berikutan harganya yang lebih mahal daripada padi biasa.

"Tanaman padi wangi ini memberi pulangan tinggi iaitu RMI,540 per tan metrik dan tambahan RM360 subsidi berbanding padi biasa yang dijual RMI,200 tan metrik," katanya.

Menurut Azman, purata hasil padi wangi bagi musim penanaman yang lalu mendapat 5.30 tan metrik sehektar bagi tanaman padi wangi di IADA Barat Laut Selangor.

Beliau mengucapkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada MAFI yang memperkenalkan program ini.

"Bagi tujuan tersebut, peningkatan SSL beras negara ini menyasarkan peningkatan purata hasil sehektar nasional daripada purata hasil semasa sebanyak 3.5 tan metrik pada tahun 2019 kepada 7 tan metrik dalam tempoh RMK-12," katanya.

Program Smart SBB

- Salah satu inisiatif kerajaan untuk menyatukan tanah sawah secara pertanian kontrak.
- Kerjasama dengan semua agensi & pesawah beri manfaat untuk jangka masa panjang.
- Memajukan industri dan menjana satu rantaian industri beras negara.

Penggunaan dron dalam pembajaan dan aktiviti meracun.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/10/2021	HARIAN METRO	LOKAL	18



APMM Pulau Pinang melakukan proses pelupusan empat bot nelayan di tempat vesel Limbongan Batu Maung, semalam.

APMM lupus 4 bot nelayan dilucut hak

Bayan Lepas: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Pulau Pinang melupuskan empat bot secara musnah tanam di Limbongan Batu Maung, di sini, semalam.

Pelupusan itu membabitkan bot nelayan tempatan yang sudah dilucut hak dengan nilai anggaran kira-kira RM90,000.

Pengarah APMM Pulau Pinang Kepten Maritim Abd Razak Mohamed berkata, semua bot itu sudah mendapat perintah mahkamah

RM90k

Anggaran nilai bot nelayan tempatan yang dilucut hak

bagi dimusnahkan.

Katanya, badan bot terbabit dimusnah tanam sementara enjin bot pula dilelong pada 22 September lalu dengan nilai RM8,500.

"Keempat-empat bot ini didapati melakukan kesala-

han mengikut Seksyen 8 (a) Akta Perikanan 1985 dan dilucutkan hak berasingan iaitu antara 23 Januari 2020 hingga 14 Januari lalu.

"Ia membabitkan kesalahan iaitu menggunakan bot pukut rawa sorong sebagai peralatan menangkap ikan yang dilarang selain bot nelayan tempatan kelas A yang sudah tamat tempoh lesen," katanya kepada media, di sini.

Abd Razak berkata, bot yang dilupuskan secara musnah tanam itu adalah

bukti ketegasan APMM dalam menguatkuasakan undang-undang.

Menurutnya, tindakan itu juga sebagai peringatan dan amaran kepada komuniti maritim yang melanggar peraturan.

"Terdapat tujuh lagi bot pelbagai jenis yang sedang menunggu perintah mahkamah bagi dilucut hak termasuk barang eksibit lain iaitu bubu naga dan dadah yang dianggar bernilai hampir RM116.3 juta," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/10/2021	NST	NEWS IN BRIEF	11

Smugglers chased by GOF abandon 1,184kg of rice

TUMPAT: A car full of smuggled rice was left by the roadside in Kampung Pisau Raut here after the smugglers were chased by the authorities. In the 4.30pm incident on Sunday, a team from Battalion 9 of the General Operations Force (GOF) came across a Proton Iswara which was being driven in a suspicious manner. Field Commanding Officer Superintendent Azhari Nusi said the team stopped the car, but the driver got out of the vehicle and fled into some nearby bushes. "An inspection of the car revealed 48 bags of rice from Thailand that were smuggled in through illegal bases in the area." Azhari said the 1,184kg of rice was estimated to be worth RM4,736 and slated to be sold to wet markets and grocery stores around Pengkalan Kubor.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/10/2021	HARIAN METRO	LOKAL	12

Tinggalkan kereta sarat dengan 1.1 tan beras seludup

Tumpat: Sebuah kereta sarat dengan 1.1 tan beras seludup ditinggalkan di tepi jalan di Kampung Pisau Raut di sini kelmarin selepas dikejar pihak berkuasa.

Dalam kejadian pada jam 4.30 petang itu, sepasukan anggota Batalion 9 Pasukan Gerakan Am (PGA) terserempak dengan kereta Proton Iswara itu yang dipandu dalam keadaan mencurigakan.

Pegawai Pemerintah Medan, Superintendan Azhari Nusi berkata, anggotanya menahan kereta terbabit untuk pemeriksaan namun pemandunya melarikan diri ke kawasan semak berhampiran dan menghilangkan diri.

"Pemeriksaan dalam kereta itu menemukan 48 kampil beras dari Thailand yang diseludup masuk menerusi pangkalan haram di sekitar sini," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Azhari berkata, beras yang dirampas dianggarkan bernilai RM4,700 dan dipercayai untuk dihantar



Pemeriksaan dalam kereta itu menemukan 48 kampil beras dari Thailand yang diseludup masuk menerusi pangkalan haram di sekitar sini"

Azhari

ke pasar dan kedai runcit sekitar Pengkalan Kubor di sini.

Menurutnya, beras itu baru sahaja diseludup daripada pangkalan haram dan mungkin menunggu masa yang tepat untuk membawa keluar beras terbabit.

"Semua rampasan termasuk kenderaan dibawa ke Kompeni Taktikal Kuala Jambu untuk siasatan lanjut dan kes disiasat mengikut Seksyen 20 Akta Kawal Selia Padi dan Beras 1994," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/10/2021	KOSMO	NEGARA	14

Cubaan seludup 480kg daging sejuk beku ke negara jiran gagal

RANTAU PANJANG - Cubaan dua lelaki untuk menyeludup sebanyak 480 kilogram daging sejuk beku ke negara jiran gagal selepas mereka dicekup Batalion 7 Pasukan Gerakan Am (PGA) dalam serbuan di pangkalan haram Syed Agil, di sini Sabtu lalu.

Dalam serbuan pada pukul 6.30 petang itu, PGA merampas 16 kotak daging sejuk beku yang dianggarkan bernilai RM13,440 selain menahan dua lelaki berusia 26 dan 55 tahun.

Pegawai Pemerintah Batalion 7 PGA, Superintendan Azhari Nusi berkata, anggota PGA melihat dua lelaki itu sedang memindahkan kotak-kotak daripada sebuah lori ke sebuah stor di pangkalan haram tersebut semasa menjalankan rondaan rutin.

Menurutnya, anggota PGA telah menghampiri lori itu sebelum berjaya menahan dua lelaki yang berada di lokasi tersebut semasa serbuan dilakukan.

"Kita telah membuat pemeriksaan di bahagian belakang lori dan menjumpai kotak-kotak mengandungi daging sejuk beku.

"Kedua-dua lelaki itu menunjukkan dokumen barangan muatan lori, namun tiada seba-



DAGING sejuk beku yang dirampas PGA semasa menjalankan serbuan di pangkalan haram Syed Agil, Rantau Panjang kelmarin. - IHSAN PGA

rang surat pelepasan daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia dikemukakan," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Azhari berkata, kedua-dua lelaki dan semua barangan rampasan

termasuk lori dinaiki mereka dibawa ke Balai Polis Rantau Panjang untuk siasatan lanjut.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 135 (1)(d) Akta Kastam 1967.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/10/2021	HARIAN METRO	LOKAL	18



FAIRUZ melihat tanaman padinya yang rebah akibat ditiup angin kuat dan hujan lebat.



Kuala Lumpur

Musim kedua penanaman padi di Tanjung Karang pada Julai lalu tidak seperti yang diharapkan pesawah apabila cuaca panas yang dijangka tidak menjadi kenyataan, sebaliknya hujan lebat melanda dengan kerap.

Akibatnya, beberapa kawasan tanaman padi di utara Selangor itu ditenggelami air dan merosakkan anak benih padi yang menyebabkan pertumbuhan terganggu bermakna hasil yang diaduakan dituai pada November ini juga akan merosot.

Ketidaktentuan cuaca akibat perubahan iklim ini bukan hanya melibatkan Tanjung Karang dan kawasan berhampiran seperti Sekinchan hingga Sabak Bernam yang bersempadan dengan Perak, tetapi berlaku di seluruh negara.

Perubahan iklim ini berlaku susulan fenomena pemanasan global akibat pelepasan gas rumah hijau (GHG) daripada aktiviti manusia yang kini berada pada tahap membimbangkan, dan jika tiada tindakan drastik diambil bagi mengurangkan pelepasan GHG, dunia dijangka berdepan bencana alam lebih dahsyat.

Menurut seorang pesawah, Fairuz Zzaini Mohd Toif, 36, perubahan cuaca mula memberi kesan kepada tanaman padinya sejak 10 tahun lalu, namun semakin kerap dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini.

Katanya paling buruk ialah

pada musim penanaman tiga tahun lepas apabila kawasan itu dilanda musim panas yang berpanjangan dan merembatukan tumbesaran benih padi, sekali gus hasil tuaian juga berkurangan.

"Cuaca sekarang sudah tidak terjangka. Musim tengkujuh contohnya yang biasa berlaku pada hujung bulan 11 (November), tapi tahun ini bulan September hujan turun dengan kerap dan lebat berserta ribut.

"Apabila air laut pasang, banjir berlaku sehingga sawah ditenggelami air dan tanaman padi banyak yang rebah disebabkan ribut kuat," katanya ketika dihubungi Bernama baru-baru ini.

Dia yang mengusahakan kira-kira 12 hektar sawah warisan keluarganya sejak 15 tahun lalu berkata, pendapatannya merosot hampir 60 peratus semusim sejak tiga tahun lalu.

Kemerostotan pendapatan itu bukan sahaja disebabkan penurunan hasil tuaian, tetapi juga kerana gred padi yang rendah selain terpaksa mengeluarkan modal lebih besar bagi menangani kesan perubahan cuaca, sama ada cuaca panas dan kemarau atau hujan lebat.

"Ketika El Nino yang menyebabkan panas melampau, air terpaksa dipam ke sawah bagi memastikan keperluan air mencukupi untuk padi membesar dan mengeluarkan hasil yang baik, manakala apabila hujan lebat dan banjir, pesawah terpaksa pula mengeluarkan modal baharu untuk (menggantikan) anak benih yang rosak bagi penanaman semula.

"Perubahan cuaca yang berlaku ini juga me-

nyebabkan kemunculan penyakit atau perosak baharu yang sebelum ini tidak pernah ditemukan. Penyakit baharu ini pula mempunyai daya tahan sangat tinggi dan ini memerlukan pelaburan yang besar untuk racun perosak," jelasnya.

Masalah sama turut dihadapi Suhaili Samsuri, 40, yang mengusahakan sawah padi di Sekinchan.

Menurutnya, sejak 2000 hingga sekarang, perubahan cuaca semakin ketara dan berlaku dengan lebih ekstrem, sama ada panas atau hujan, sekali gus menjejaskan hasil dan kualiti padi yang dikeluarkan.

"Apabila cuaca panas, suhu terlalu tinggi dan ini tidak sesuai untuk padi yang sentiasa memerlukan air, manakala kadar hujan yang lebat dan ekstrem pula menyebabkan banjir di sawah dan turut mengganggu tumbesaran padi sehingga ada tanaman padi mati.

"Makhluk perosak baharu juga turut datang bersama perubahan cuaca ini dan merebak terlalu cepat dari satu lot ke lot lain, sekali gus menjadi punca kos racun turut meningkat hingga 30 per-



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/10/2021	HARIAN METRO	LOKAL	19

CUACA KACAU TANAMAN PADI DI TANJUNG KARANG

MODAL TINGGI HASIL KURANG

tus," katanya.

Untuk rekod, anggaran nilai kerosakan bagi penanaman padi berdasarkan data permohonan Tabung Bencana bagi tempoh 2017 hingga sekarang, menunjukkan nilai kerosakan akibat banjir ialah sebanyak RM128.8 juta dan akibat kemarau RM21.6 juta.

Hakikatnya, perubahan iklim bukan sahaja memberi kesan fizikal kepada alam tetapi juga terhadap sektor pertanian khususnya tanaman makanan, sekali gus mengancam jaminan makanan yang telah mula menunjukkan kemerosotan.

Ini bukan polemik baharu, sebaliknya sudah menjadi perhatian di peringkat global sejak hampir tiga dekad lalu.

Namun hingga kini masih belum nampak usaha dan tindakan serius diambil oleh beberapa kuasa besar yang boleh menghasilkan perubahan positif dalam isu iklim, seperti mana termaktub dalam

pelbagai perjanjian pengurangan kesan GHG.

Ini bermakna negara perlu bersedia dengan langkah-langkah lebih efektif termasuk dasar kerajaan bagi mengurangkan kepelbagaian ancaman akibat perubahan iklim yang tidak terduga, kata Dr Saiful Irwan Zubairi, pensyarah kanan di Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Katanya, perincian di peringkat global memberi fokus kepada kemusnahan terhadap jaminan makanan dunia, terutama dengan pengurangan pengeluaran makanan dan keberhasilan sektor agrikultur dan perikanan.

Topik ini menjadi isu yang hangat kebelakangan ini berdasarkan kepada model pembuktian kesan gas rumah

hijau semasa dan masa depan, antaranya Laporan Kumpulan Kerja Pertama Panel Antara Kerajaan Mengenai Perubahan Iklim (IPCC) 2021 yang menjangkakan suhu permukaan bumi meningkat dari 1.1 hingga 6.4 darjah Celsius menjelang 2100.

"Secara asasnya, terdapat dua faktor pencetus utama yang memberikan kesan kekusutan kepada produktiviti sektor agrikultur, iaitu peningkatan suhu dan corak perubahan taburan hujan yang tidak menentu.

"Perubahan corak cuaca boleh memberi kesan kepada pengeluaran makanan dan sumber hasil agrikultur yang mana perubahan suhu yang terjadi secara langsung memberi kesan

kepada struktur habitat, bekalan makanan dan keberadaan sumber sedia ada," katanya kepada Bernama.

Antara perkara utama dalam perubahan iklim ialah jangkakan peningkatan paras air laut yang akan menenggelamkan tanah agrikultur yang subur di kawasan yang berada di bawah paras laut seperti Belanda dan Jakarta, Indonesia.

Namun, data terkini cerapan perubahanimbangan jisim ais di Artik (Ogos, 2021) yang dikeluarkan oleh Agensi Penerokaan Aeroangkasa Jepun (JAXA), menunjukkan jumlah pencairan dan pembentukan ais adalah stabil sejak la diterap pada 2002.

Pakar bidang teknologi makanan itu juga menjelaskan peningkatan suhu dunia akan memberikan tiga peringkat impak terhadap jaminan makanan iaitu impak berterusan, sementara dan kekal.

Impak berterusan akan me-

nyebabkan perubahan hasil akibat peningkatan tahap air masin di kawasan berdekatan pesisir pantai yang kebanyakannya perkampungan nelayan, manakala impak perosak akan meningkatkan kegagalan penuaian disebabkan corak cuaca yang ekstrem sehingga mempengaruhi kemunculan makhluk perosak dan wabak penyakit yang tidak terjangka akibat perubahan mendadak.

Impak kekal pula adalah kehilangan tanah kekal dan tidak dapat dipulihkan disebabkan oleh kenaikan paras laut.

Oleh itu, pembuat dasar sedia ada bakal berdepan dengan pelbagai kesukaran yang tidak terjangka dalam menilai dan memperhalusi ancaman yang akan terjadi bagi memastikan jaminan makanan kekal konsisten.

Namun, kerajaan boleh mengambil lang-

kah-langkah drastik untuk jangka panjang dan pendek. Contohnya untuk jangka panjang, kerajaan boleh memperkenalkan geran penyelidikan khas bagi meningkatkan daya tahan tanaman (manipulasi genetik) dan sumber tanah yang dapat memperkaya sumber elemen makro dan mikro genetik yang tinggi untuk cuaca ekstrem.

Selain itu, perlu juga diperkenalkan spesies tanaman baharu yang lebih berdaya tahan dan tempoh penuaian yang singkat agar dapat meningkatkan pengeluaran hasil walaupun dalam keadaan cuaca semasa.

Untuk jangka pendek pula, adalah amat penting bagi kerajaan memperhebat kempen gaya hidup dan diet pemakanan alternatif dan mampan bagi mengurangkan lagi kesan GHG yang kian meningkat.

“Makhluk perosak baharu juga turut datang bersama perubahan cuaca ini”
Sutirna



SEHAMU menunjukkan keadaan sawah padi yang rosak selepas kemuruk akibat banjir akibat susunan berlakunya perubahan iklim.